

# Malaysia selamat dikunjungi

## Inisiatif mengurangkan jenayah menunjukkan penurunan ketara

Oleh Habsah Dinin  
ecah@bharian.com.my

**P**ERISTIWA dan ketakutan terhadap jenayah boleh melumpuhkan semangat individu dan orang ramai. Kita bukan hanya mahukan selamat, tetapi berasa selamat dalam semua keadaan sama ada di rumah, tempat kerja, taman permainan dan di mana-mana saja.

Inilah yang menjadi salah satu kebimbangan rakyat dan mereka mahukan kerajaan memberi keutamaan kepada masalah sosial dalam Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) di bawah Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Tujuannya adalah mengenal pasti inisiatif yang boleh membantu mengurangkan indeks jenayah dan jenayah jalanan sekali gus menjadikan Malaysia tempat yang selamat kepada semua.

Sejak pelaksanaan Mengurangkan Jenayah pada Januari 2010 lalu, ia berjaya menunjukkan keputusan yang positif dengan penurunan sebanyak 11.1 peratus indeks jenayah serta penyusutan 39.7 peratus kepada jenayah jalanan.

Pelaksanaan kukuh dan program sasaran di bawah inisiatif seperti Program Bandar Selamat menjadi bukti bagaimana idea pembangunan menerusi Makmal GTP ini diterjemahkan menjadi persekitaran selamat kepada kediaman kejiranan di negara ini.

Oleh itu sekiranya anda berjalan bersendirian di Taman Tun Dr Ismail, anda pasti mengesan banyak perubahan ketara yang dilakukan sejak akhir-akhir ini.

Kawasan perumahan TTDI yang pernah suatu ketika dulu dibayangi dengan purata 30 kes jenayah se-



**IMBASAN**  
[www.pemandu.gov.my](http://www.pemandu.gov.my)

nyak 99 peratus daripada mereka berasa tidak selamat.


"Kini apabila saya bertemu penduduk, mereka memberitahu yang mereka berasa sangat selamat tinggal di TTDI. Mereka juga gembira kerana lampu jalan lebih terang, tidak lagi gelap macam dulu. TTDI kini menjadi lebih selamat," katanya.

Pada tahun lalu, Program Bandar Selamat diberi rangsangan dengan peruntukan tambahan sebanyak RM72 juta untuk memperluas jangkauannya kepada 151 kawasan bandarbandaran lain.

Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishamuddin Hussien berkata, cerita kejayaan itu banyak disumbangkan menerusi kerjasama yang tidak pernah dilakukan sebelum ini antara masyarakat awam dengan polis, agensi penguatkuasaan undang-undang seperti RELA dan Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) serta Majlis Perbandaran sendiri.

Pada tahun pertama memerangi jenayah ini, rangka kerja Mengurangkan Jenayah memperkenalkan beberapa program seperti mengenal pasti kawasan panas jenayah, penempatan strategik polis ke kawasan


### Indeks Jenayah



### Indeks Jenayah dikelaskan mengikut:

- Jenayah Harta (seperti kecurian, ragut, curi kenderaan, curi mesin, pecah rumah)
- Jenayah Ganas (rompakan, serangan, rogol, bunuh)

### Jenayah Jalanan



bulan membabitkan jenayah pedas itu, memasang CCTV di kawasan berisiko tinggi dan melaksanakan Program Omnipresence.

Berikutan hasil positif yang diperolehi pada 2010, Mengurangkan Jenayah kini tertumpu kepada

### Jenayah Jalanan dikelaskan seperti:

- Ragut
- Merompak dengan tidak menggunakan senjata
- Rompakan berkumpulan tetapi tidak bersenjata

Satu bajet diperuntukkan untuk menubuhkan beberapa langkah keselamatan dengan menambah sistem keselamatan rumah, memasang kamera televisyen litar tertutup pelbagai guna dalam kawasan kejiranan, meningkatkan keceraan lampu jalan daripada 150 watts kepada 250 watts, membina pemutus kelajuan serta memperluaskan sistem maklumat geografi kepada Balai Polis TTDI.

Di bawah pengawasan Kementerian Dalam Negeri yang menyelia pelaksanaan dan keberkesanan inisiatif Mengurangkan Jenayah ini, Program Bandar Selamat menerima penghargaan daripada penduduk dan hasilnya menjadikan kawasan kejiranan TTDI selamat kepada anggota masyarakat di situ.

Presiden Persatuan Penduduk Taman Tun Dr Ismail, Mohd Hatim Abdullah berkata, pihaknya juga menawarkan testimoni positif kesan Program Bandar Selamat di kejirannya.

“Daripada maklum balas penduduk, sebelum program itu, seba-

## PENGESAHAN KEJAYAAN USAHA MEMERANGI JENAYAH DI MALAYSIA



### Projek Keadilan Dunia

**#1** Paling selamat Dalam 19 negara berpendapatan sederhana dan ke atas

**#12** Keseluruhan, terkehadapan berbanding Amerika Syarikat dan Britain



### Indeks Keamanan Dunia

**#1** Paling selamat dan aman di Asia Tenggara

**#4** Paling selamat dan aman di Asia Pasifik

**#19** Paling selamat dan paling aman di dunia



### Laporan Persaingan Global WEF

**#63** Pada 2011, daripada #93 pada 2010

**+30** Peningkatan ranking



### PIAM (Persatuan Insurans Am Malaysia)

**9.4%** Pengurangan kes tuntutan kenderaan pada 2010 berbanding 2009



### Kajian Kepuasan Orang Ramai dengan PDRM

**13.9%** Peningkatan kepuasan dengan PDRM daripada 56.6 peratus (Jan 11) kepada 70.5 peratus (Dis 11)



### Kajian Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

**12.0%** Pengurangan kebimbangan terhadap jenayah daripada 33 peratus (2010) kepada 2011